

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI  
ABD. MUTTALIB [ MARAN ]**

**SOALAN NO. 495**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci kenapa dan mengapakah TULISAN JAWI terabai kedudukannya di mata Kementerian sedangkan ia sesuatu yang bernilai tinggi di hati orang Melayu di negara ini dan apakah langkah Kementerian bagi menyuburkan kembali penggunaanya di kalangan masyarakat.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited menerapkan nilai warisan bahasa Melayu dan identiti negara melalui pengajaran dan pembelajaran tulisan jawi dalam kalangan guru-guru dan murid-murid di sekolah. Kemahiran membaca dan menulis tulisan jawi diajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam bermula peringkat sekolah rendah hingga peringkat menengah seperti yang dihasratkan dalam Standard Kurikulum Pendidikan Islam. Usaha ini telah wujud sejak Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) bermula tahun 1982 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989.

Untuk makluman Ahli Yang terhormat, KPM juga telah memperkenalkan Program j-QAF sejak tahun 2005 kepada murid-murid sekolah rendah. Dalam program ini, Pendidikan jawi tetap diberi perhatian dengan memperkenalkan **Model Pemulihan Jawi** bagi tujuan memastikan murid-

murid dapat membaca dan menulis jawi dengan betul. Sehingga kini, semua murid beragama Islam di sekolah rendah terlibat dengan Program ini. Selain daripada itu, tulisan Jawi pada masa kini diajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam bermula dari Tahun 1 lagi, dan turut diajar di peringkat Prasekolah. Buku Teks Pendidikan Islam juga telah menggunakan tulisan jawi sepenuhnya sejak KBSR lagi, dan ia diteruskan sehingga Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan.

Selain itu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) juga telah melaksanakan pelbagai langkah untuk memartabatkan kedudukan tulisan Jawi sebagai salah satu tulisan rasmi bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1973/67 yang secara jelas menyebut bahawa tulisan Jawi merupakan tulisan bagi bahasa kebangsaan di samping tulisan Rumi. Antara langkah proaktif yang dilaksanakan ialah:

a) Menerbitkan Daftar Kata Bahasa Melayu-Sebutan-Jawi (Edisi Kedua pada 2016 dan Edisi Pertama 2001). DBP turut mengemas kini Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu yang lengkap dengan daftar kata lama dan baharu, penyemakan ejaan Jawi lama dan penyelarasannya agar bertepatan dengan sistem ejaan yang telah diperkenalkan.

b) Menjadi ahli Panel Memperkasa Tulisan Jawi dalam Majlis Dakwah Negara (MDN) yang bertujuan menyatukan institusi, pertubuhan dan pihak yang berusaha untuk memartabatkan penggunaan tulisan Jawi. Panel Memperkasa Tulisan Jawi telah melaksanakan beberapa program, antaranya termasuklah program Semarak Jawi Kuala Lumpur (2-3 Julai 2018), Program Semarak Jawi Selangor (3 November 2018), Program Semarak Johor (19-20 Oktober 2018) dan Seminar Keilmuan Tulisan Jawi UiTM Cawangan Perak (6 Disember 2018). Program ini dianjurkan dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia, Persatuan Sejarah Malaysia, Pejabat Pendidikan, Majlis Perbandaran dan lain-lain. Peserta program ini terdiri daripada pelajar pelbagai bangsa dan peringkat umur, iaitu pelajar taska/tadika, sekolah

rendah/menengah, institusi pengajian tinggi awam dan swasta penjawat awam, penggiat Jawi dan khat, penerbit buku dan orang awam.

c) Menanamkan kesedaran berkaitan kepentingan tulisan Jawi melalui program pemupukan dan penggalakan. Hal ini boleh dilihat melalui pelantikan Munsyi Dewan (Jawi) dalam kalangan penggiat tulisan Jawi yang merupakan pakar rujuk tulisan Jawi seluruh negara. Sehingga 2018, seramai 51 orang Munsyi Dewan (Jawi) telah ditauliahkan dan giat membimbing peserta kursus Jawi.

d) Menyediakan perkhidmatan pengesahan tulisan Jawi bagi negeri-negeri yang mewajibkan tulisan Jawi dalam iklan, penamaan bangunan, dan nama jalan. Antara negeri yang telah mengeluarkan arahan penggunaan tulisan Jawi untuk penamaan jalan termasuklah Johor, Selangor, Melaka, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Terkini, DBP menjalinkan kerjasama dengan Majlis Daerah Pekan dalam penguatkuasaan tulisan Jawi dan akan diperluas ke seluruh negeri Pahang.

e) Membuat pemantauan penggunaan tulisan Jawi secara bersama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri-negeri yang menguatkuasakan penggunaan tulisan Jawi dalam iklan papan premis dan papan iklan luar dan nama jalan. Antara negeri yang mewajibkan tulisan Jawi dalam iklan papan premis, papan iklan luar dan nama jalan ialah Kelantan dan Terengganu. Langkah mensyaratkan tulisan Jawi memberikan kesan positif kepada usaha memartabatkan tulisan Jawi.

DBP akan sentiasa komited menyemarakkan tulisan Jawi bagi memastikan tulisan Jawi terus diletakkan pada tempat yang sewajarnya di negara kita.